

Wanita

mengaku

bersalah

beli tiket

loteri

haram

KUCHING: Seorang wanita dari Sibu didenda RM1,000 atau tiga minggu penjara oleh Mahkamah Majistret di sini selepas dia mengaku bersalah membeli tiket loteri haram.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan menjatuhkan hukuman denda terhadap Nursyafika Philip Abdullah, 29, selepas dia membuat pengakuan terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 9(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Seksyen itu membawa hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Nursyafika melakukan kesalahan itu di sebuah premis berhampiran Kuching City Mall, Batu 4 di sini kira-kira jam 10.50 pagi pada 25 September 2024.

Berdasarkan fakta kes, sepasukan polis melalui Ops Dadu menyerbu premis itu kerana disyaki melakukan aktiviti loteri haram.

Setibanya di premis itu, polis menahan Nursyafika dan merampas telefon bimbitnya bersama wang RM8.

Siasatan polis kemudian mendapati telefon bimbit itu mengandungi pembelian nombor loteri haram dengan jumlah pembelian RM4.

Pendakwaan kes dilakukan ASP 'Mohd Adzmei Ahmad manakala Nursyafika tidak diwakili peguam.